

# PPUU UMS-SKMM anjur sesi perkongsian undang-undang

NST 6.7.2019 5



**KENANGAN BERSAMA...** Irwan (depan lapan dari kanan) mengambil gambar kenang-kenangan bersama kekitangan yang hadir. Turut kelihatan Yenney (depan sembilan dari kanan).

**KOTA KINABALU:** Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan satu sesi perkongsian bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di Galeri Majlis UMS, di sini, kelmarin (4 Julai 2019).

Sesi perkongsian yang bertajuk "Media Sosial : Isu dan Cabaran dalam Perkhidmatan

Awam" disampaikan Timbalan Pengarah SKMM Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Irwan Ahmad Sabtu di hadapan lebih 60 kakitangan UMS yang hadir.

Dalam perkongsiannya, Irwan berkata, pengguna media sosial bukan sekadar sebagai pengguna semata-mata tetapi juga sebagai penyalur maklumat melalui akaun media baharu masing-masing tidak kira tempat dan

masa.

"Media sosial juga digunakan dalam sektor awam bagi memenuhi kehendak persekitaran yang sentiasa berubah-ubah sekali gus mampu memantapkan sistem perkhidmatan yang lebih pantas dengan cakupan maklumat terkini untuk rujukan masyarakat.

"Sebagai penjawat awam, penggunaan media sosial secara peribadi juga harus tertakluk

di bawah perintah am.

"Kami di SKMM antara lain mahu menerapkan masyarakat sebagai warga digital yang menggunakan internet berteraskan rukun negara serta lebih berintegriti dan bertanggungjawab dalam mengeluarkan apa-apa kandungan dalam internet," jelasnya.

Hadir sama Ketua PPUU UMS, Yenney Fadzlyena Ahmad Shah.